

Format lima juri mungkin dilaksana

Berita Harian, 11 August 1998, Page 13

Article also available on Microfilm Reel NL21480

Printer-Friendly Page

Format lima juri mungkin dilaksana

Persisi: Perlu persetujuan lebih dahulu dari 4 negara Pendiri Pesilat **SILAT**

PERSEKUTUAN Silat Antarabangsa (Pesilat) mungkin akan kembali menggunakan format lima juri untuk semua kejohanan yang bakal diadakan di masa depan.

Bagaimanapun, persetujuan mengenainya harus dicapai terlebih dahulu di kalangan empat negara Pendiri Pesilat sebelum langkah itu dapat dilaksanakan.

Empat negara berkenaan ialah Indonesia, Singapura, Malaysia dan Brunei.

"Indonesia, Malaysia dan Singapura tampak berminat menggunakan format lima juri itu daripada tiga seperti yang diamalkan sekarang.

"Bagaimanapun, keputusan sedemikian itu tidak dapat dicapai kerana Malaysia tidak hadir dalam mesyuarat Teknikal Pesilat di Jakarta baru-baru ini," kata Setiausaha Persisi, Aeji Karmak.

Beliau memberitahu bahawa dalam mesyuarat pertama, kecuali Brunei yang tidak hadir, ketiga-tiga negara setuju untuk kembali menggunakan format lima juri itu.

Format tiga juri mula diperkenalkan dalam 1996 kerana menggantikan format ti-

Oleh **YUSOFF A. RAHMAN**

ma juri, tetapi kini didapati banyak kepincangannya.

"Antara masalahnya, termasuklah kalau para pesilat beraksi di satu sudut sahaja, maka para juri lain tidak nampak dan tidak boleh memberikan sebarang mata.

"Dengan menggunakan format lima juri, maka keputusan perlawanan dijangka lebih tepat lagi kerana setiap aksi pesilat dapat dilihat oleh ramai juri," kata Aeji.

Beliau menarik perhatian bahawa ada masa-masanya penonton kurang senang dengan keputusan perlawanan.

Namun, mereka tidak memberitahu bahawa Pesilat telah mengaturkan satu rancangan untuk meluaskan lagi kawasan gelanggang dari 7x7 meter per segi kepada 8x8 meter per segi.

"Sekiranya keluasan gelanggang sekarang digunakan, maka pesilat kerap memijak garis gelanggang sehingga perlawanan terpaksa diberhentikan dan ini menjejaskan kerancakan pertarungan itu sendiri.

"Keluasan gelanggang juga untuk memudahkan pergerakan pesilat yang berbadan besar seperti dari Eropah," kata beliau.

"Saya berpendapat ini adalah cara terbaik untuk mengadili perlawanan dan mengelakkan sebarang dakwaan pilih kasih dalam memberikan penilaian mata."

— Johan dunia,
Abdul Kadir Ibrahim (kanan).



dar jika perlawanan itu berlaku di satu sudut sahaja, maka tidak semua juri dapat melihat apa yang berlaku.

Johan dunia, Abdul Kadir Ibrahim, menyokong jika Pesilat kembali menggunakan lima juri untuk kejohanan-kejohanan akan datang.

"Saya berpendapat ini adalah cara terbaik untuk mengadili perlawanan dan mengelakkan sebarang dakwaan pilih kasih dalam memberikan penilaian mata," kata Kadir, yang sekadar mengutip pingat perak dalam Sukan SEA Jakarta.

Setiausaha Persisi itu juga